



Ruj kami : SKDA 600-2/1/5 ()
Tarikh : 23 JULAI 2021

IBU BAPA / PENJAGA
Murid SK Desa Amanpuri

Tuan,

MAKLUMAN PELAKSANAAN PdPR BERMULA 26.07.2021 HINGGA 30.08.2021

Perkara di atas adalah dirujuk.

- Adalah dimaklumkan bahawa pengoperasian sekolah masih belum boleh dilaksanakan. Oleh yang demikian, murid-murid akan meneruskan PdPR mengikut jadual yang dilampirkan.
- Sehubungan dengan itu, berikut adalah tarikh - tarikh penting untuk makluman dan rujukan pihak tuan.

BIL	PERKARA	TARIKH
1	Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR)	26.07.2021 (Isnin) hingga 30.08.2021 (Isnin)
2	Cuti Awal Muharam Cuti Hari Kebangsaan	10.08.2021 (Selasa) 31.08.2021 (Selasa)
3	Pembukaan sesi persekolahan	Akan dimaklumkan sekurangnya seminggu lebih awal

- Pihak sekolah berharap agar tuan dapat memberikan kerjasama dengan memantau PdPR anak jagaan tuan sepanjang tempoh berkenaan. Tuan juga boleh merujuk kepada Jadual Didik TV yang boleh didapati dari portal rasmi atau media sosial rasmi KPM sebagai pembelajaran tambahan kepada anak-anak di rumah.
- Murid-murid yang tidak dapat menyertai PdPR yang lepas supaya dapat menyertainya pada kali ini dan sebarang permasalahan boleh berhubung terus dengan guru kelas masing-masing.
- Kerjasama dan keprihatinan tuan amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(AHMAD AZIZI BIN ALIAS)
Guru Besar,
SK Desa Amanpuri

No. Telefon/Faksimili :
603 - 62804744
Alamat Email :
BBA7239@moe.edu.my
URL Laman Web :
http://skda.edu.my